

# ورتا فرنشن Warta Penerangan



MEI 2015







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Hajah Sujimawati binti Mejari  
Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

## Muka

Mesyuarat JTCIM ke-4 Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia	5
Jabatan Penerangan teguhkan peranan membudayakan masyarakat bermaklumat	6
Gotong-royong membersihkan Tanah Perkuburan Bukit Pantaran	9
PTE Sengkurong muncul juara Kuiz Kenegaraan	10
Pelita Brunei mendapat persaingan	11
Jabatan Penerangan beri sumbangan	12
Pelbagai aktiviti meriahkan Sambutan Penubuhan Jabatan Penerangan	13
Maklumat sahih menyumbang kepada perpaduan bangsa	14
Pelita Brunei wadah penyebaran maklumat kerajaan	15
Membarigakan aktiviti negara tanggungjawab bersama	16
Pelita Brunei Tetap Relevan intipati bicarawara	17
Nur Afifah Syakirah juara pidato	18
Program Taklimat Kenegaraan "Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan	18
Program Awasi Anak Kitani banteras penyalahgunaan dadah	19
Daerah Belait sambut Hari Penerangan	20
Awang Tajjul Hakim johan Pertandingan Pidato	21
Pasukan RTB juara Kejohanan Futsal	22
Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam	23
Program Sua Muka	24
Taklimat Kenegaraan dalam Program 'SINAR'	27
Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / bengkel / ceramah bagi bulan Mei 2015	27
Pegawai yang baru berkhidmat dan kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan	27

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Mesyuarat JTCIM ke-4 Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia

Oleh & Foto : Unit Hal Ehwal Antarabangsa



GAMBAR ramai delegasi mesyuarat JTCIM ke-4 Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

**N**egara Brunei Darussalam dan Malaysia terus memperkuatkkan kerjasama dalam pelbagai bidang di rantau ini antaranya dalam bidang penerangan. Baru-baru ini, pada 11 hingga 13 Mei telah diadakan Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Teknikal Bidang Penerangan (JTCIM) ke-4 di bawah Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat telah diadakan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur, Malaysia. Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Acara pembukaan mesyuarat dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Pengurus JTCIM, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri selaku Pengurus Bersama mesyuarat.

Delegasi kemudian berpecah kepada dua mesyuarat kumpulan iaitu bidang penerangan dan bidang penyiaran. Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Eksekutif (Penerangan) antara Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam diadakan di Bilik Mesyuarat Sri Bendahara 2.

Delegasi Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam seramai tiga orang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad. Manakala delegasi dari Jabatan Penerangan Malaysia pula seramai tujuh orang diketuai oleh Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman. Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah Penerangan Malaysia dan Pemangku Pengarah Penerangan Negara Brunei Darussalam. Turut menyertai mesyuarat ialah wakil dari Institut Penerangan dan Penyiaran Tunku Abdul Razak.

Mesyuarat di bidang penerangan antara lain membincangkan beberapa kerjasama yang telah lama terjalin dengan memberikan beberapa tambahan

sebagai pemberian. Beberapa cadangan baru juga turut dicadangkan. Antara kerjasama yang dibincangkan ialah pertukaran bahan-bahan terbitan dan pameran, pertukaran lawatan, program latihan dan penempatan dan penerbitan buku coffee table.

Selain menghadiri mesyuarat, delegasi juga menghadiri sesi hi-tea bersama Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek dan Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pechin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Umar. Delegasi juga menyaksikan program Spektra Muzika dan berpeluang melawat ke Muzium Kesenian Islam dan Malaysian Press Institute (MPI).



LAWATAN ke Malaysian Press Institute (MPI) turut disertai oleh Setiausaha Tetap (Media & Kabinet), Jabatan Perdana Menteri.



PENGURUSI bersama mesyuarat Bersama Jawatankuasa Eksekutif (Penerangan), Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman.

# Jabatan Penerangan teguhkan peranan membudayakan masyarakat bermaklumat

Oleh: Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Mohammad Arif Matali



Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyaksikan secara dekat Coffee Table Book bertajuk 'Kedamaian Dalam Kepelbagaian' (Tranquility in Diversity) Daerah Temburong yang baru dilancarkan.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkata, Jabatan Penerangan sejak dari penubuhannya 63 tahun yang lalu, tidak kendur-kendur berusaha ke arah membudayakan masyarakat bermaklumat.

Berucap pada Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun, Awang Mawardi seterusnya menjelaskan, dengan adanya masyarakat yang mempunyai maklumat yang sahih mengenai negara akan dapat menyumbang kepada perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara yang di waktu yang sama akan mempertingkatkan semangat patriotisme selain memupuk semangat cintakan raja dan

Negara Brunei Darussalam di mana saja mereka berada iaitu melalui Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Sementara itu, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk bersaing sama dalam penyebaran maklumat melalui media sosial yang begitu popular di zaman ini iaitu mempunyai laman media sosial sendiri seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* Jabatan Penerangan.

Jabatan Penerangan juga telah memperluaskan lagi skop penyebaran maklumat dengan menyasarkan kepada golongan belia, remaja dan juga disasarkan kepada ibu bapa melalui 'Program Awasi Anak Kitani' dan 'Program Masyarakat Bermaklumat'.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Yunos ketika berucap pada Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan ke-63 tahun.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah bersara.



TETAMU kehormat menyampaikan buku 'Kedamaian Dalam Kepelbagaian' kepada salah seorang ahli Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan..

Beliau seterusnya menambah bahawa dengan adanya penyertaan daripada agensi-agensi berkaitan yang diundang dalam menjayakan projek jabatan ini telah dapat menjalinkan dan meningkatkan lagi jaringan kerja yang erat, di samping dapat berkongsi maklumat dan pengalaman dalam isu-isu berbangkit yang mana tugas seperti ini perlu ditanai di semua peringkat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan itu ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Berucap pada majlis tersebut, beliau berkata segenap lapisan masyarakat masa kini tidak mengira umur, termasuk generasi muda disajikan dengan pelbagai pilihan dan cara untuk mendapatkan maklumat yang sangat mudah diperolehi dengan perkembangan teknologi maklumat serba moden.

Perkara itu menurut beliau adalah merupakan cabaran yang sangat besar bagi organisasi-organisasi media sejagat dan tidak terkecuali Jabatan Penerangan kerana perkembangan teknologi maklumat telah memberikan saingan yang sengit dalam pembariganan maklumat-maklumat kepada warga masyarakat.

Jika Jabatan Penerangan tidak bersaing dengan memaksimakan penggunaan teknologi maklumat yang sama seperti penggunaan laman ‘web’, *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain dan hanya menggunakan media tradisi, adalah sukar bagi jabatan ini menarik perhatian orang ramai untuk membarigakan maklumat di jangka pendek dan akan menjadi sukar di jangka masa panjang bagi jabatan ini untuk kekal relevan dan strategik sepanjang masa,” terangnya.

Survival atau ‘relevancy’ sebuah organisasi seperti Jabatan Penerangan kata Awang Haji Mohd. Rozan, adalah antara lain berkait rapat dengan perkhidmatan dan produk-produk yang dihasilkan.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyaksikan pameran produk-produk mukim dan kampung.



SETIAUSAHA Tetap (Media & Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, dan mantan Pengarah Penerangan, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



SIJIL Penghargaan disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada salah seorang kakitangan Jabatan Penerangan yang telah bersara.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos melawat ke salah satu pameran dalam Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63.



PERSEMBAHAN Koir daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

## 8 Warta Penerangan

Dalam hal ini menurutnya, kita dapat lihat Jabatan Penerangan juga telah banyak membuat pembaharuan dan pemberian serta pencapaian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Awang Haji Mohd. Rozan seterusnya menambah bahawa akhbar PELITA BRUNEI yang dulunya diterbitkan seminggu sekali hitam putih kini diterbitkan tiga kali seminggu dan berwarna penuh malah boleh dilayari setiap hari melalui laman 'web' untuk memudahkan orang ramai membaca dan mendapatkan berita-berita terkini.

Selain itu, Jabatan Penerangan juga telah menyusun atur dan melaksanakan beberapa program-program seperti 'Program Semarak Pengibaran Bendera Negara', 'Program Masyarakat Bermaklumat' serta 'Program Awasi Anak Kitani'.

"Walaupun 63 tahun Jabatan Penerangan telah berjuang untuk berdiri kukuh sehingga ke hari ini dengan berbekalkan pengalaman dan kepimpinan jabatan, jabatan ini harus terus menerima suntikan idea-idea baru yang lebih segar bagi membolehkan ia akan dapat terus memberikan program-program yang memuaskan hati dan dapat diterima pakai oleh pihak-pihak berkepentingan yang sekali gus akan dapat menyerlahkan lagi kredibiliti serta imej jabatan.

Dalam meniti usia yang sudah matang, Awang

Haji Mohd. Rozan percaya bahawa Jabatan Penerangan akan terus berusaha dalam memperkasa dan meningkatkan kecemerlangan sebagai sebuah institusi yang berwibawa, kukuh dan mampu memberikan maklumat yang berkualiti untuk mengukuhkan lagi perpaduan bangsa dan negara.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyempurnakan pelancaran 'Coffee Table Book' bertajuk 'Kedamaian Dalam Kepelbagai' (*Tranquillity in Diversity*) Daerah Temburong yang memuatkan koleksi gambar-gambar yang dirakam di sekitar Daerah Temburong yang antara lain bertujuan untuk membarigakan keindahan serta kegiatan yang terdapat di Daerah Temburong kepada masyarakat tempatan dan luar negeri.

Majlis turut diselajurkan dengan penyerahan sijil penghargaan kepada seramai sembilan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah bersara.

Tetamu kehormat juga berkesempatan untuk melawat ke petak-petak pameran setiap bahagian, cawangan dan unit di Jabatan Penerangan serta petak-petak pameran produk-produk mukim dan kampung.

Juga diadakan pada majlis itu ialah Kempen Menderma Darah, Sesi Pemeriksaan Kesihatan dan Pameran dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan di Pameran Unit Pelita Brunei.



WARGA Jabatan Penerangan tidak melepaskan peluang untuk menderma darah.



BACAAN Surah Yaa Siin dan Tahlil diadakan sebelum kempen membersihkan Tanah Perkuburan Bukit Pantaran. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Pelbagai aktiviti bercorak kenegaraan, keagamaan dan kemasyarakatan diungkayahkan bagi menyemarakkan sambutan Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.

Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan telah menganjurkan Kempen Kebersihan di kawasan Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam di Bukit Pantaran, Kampung Kiarong.

Aktiviti gotong-royong itu turut disertai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad serta Penghulu Mukim Gadong 'B', Mejari (B) Awang Haji Bakar bin Sapar dan Ketua Kampung Kiarong, Awang Haji Omarsidi bin Haji Ahmad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang kemudian diikuti bacaan Doa Tahlil diketuai oleh Ahli Majlis Perundingan Kampung Kiarong, Awang Haji Rajali bin Haji Tujuh.

Kempen Kebersihan juga disertai oleh pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di Jabatan Penerangan serta para penduduk Kampung Kiarong. Kempen Kebersihan kawasan tanah perkuburan orang-orang Islam merupakan salah satu aktiviti sampingan jabatan berkenaan yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

dalam usaha untuk terus menjalankan kerjasama yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan dan berkebajikan dalam melaksanakan sumbangan tenaga dan amal jariah yang bermanfaat.

Dalam pada itu juga institusi mukim dan kampung juga mendapat manfaat bersama dengan interaksi yang kukuh antara dua institusi ini untuk bergiat aktif dan kukuh serta menjalankan tugas dan tanggungjawab bersama dalam memeduli kepentingan masyarakat di negara ini dalam majlis dan aktiviti yang berkebajikan seperti ini.



WARGA Jabatan Penerangan dan ahli MPK Kiarong bergotong-royong membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Bukit Pantaran (gambar atas dan bawah).



# PTE Sengkurong muncul juara Kuiz Kenegaraan

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei. - Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong muncul juara Kuiz Kenegaraan bagi PTE Seluruh Negara Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan.

Naib juara disandang oleh PTE Meragang manakala Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pula mendapat tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juara, naib juara dan tempat ketiga kuiz tersebut masing-masing menerima hadiah piala berserta piala iringan, sijil dan wang tunai sebanyak BND400, BND300 dan BND200.

Objektif kuiz itu adalah untuk meningkatkan kefahaman dan menyebarluaskan maklumat kepada orang ramai khususnya para pelajar mengenai fungsi dan peranan Jabatan Penerangan selaras dengan visi dan misi jabatan iaitu mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan melalui maklumat yang berkualiti.

Di samping itu, ia bertujuan untuk mengukuhkan lagi perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara dalam mendukung wawasan negara melalui pembacaan Akhbar Rasmi Kerajaan, PELITA BRUNEI.

Seramai 14 pelajar PTE mewakili dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, PTE Meragang, PTE Sengkurong, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, PTE Tutong dan Sekolah Menengah Sayyidina Ali menyertai kuiz berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada pemenang Kuiz Kenegaraan dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.



ANTARA penuntut yang hadir semasa Kuiz Kenegaraan Bagi Pusat Tingkatan Enam Seluruh Negara Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar bersama para pemenang dan peserta Kuiz Kenegaraan Bagi Pusat Tingkatan Enam Seluruh Negara Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.

# Pelita Brunei mendapat persaingan

Oleh : Dk. Norhafizah Pg. Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Pegawai Penerangan, Ketua Meja A, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat dan Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku Moderator Bicarawara Pelita Brunei.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Intipati Bicarawara Pelita Brunei telah menyentuh mengenai beberapa aspek penting, iaitu membincangkan mengenai kewujudan Pelita Brunei yang mendapat persaingan sengit dengan wujudnya sosial media yang mana kepentasan penyebaran dan penerimaan sesuatu maklumat amat pantas.

Walaupun Pelita Brunei merupakan media konvensional yang terhad dari segi jumlah dan waktu ia diterbitkan kepentingan peranannya sebagai lidah kerajaan mesti dipertahankan kerana ia merupakan salah satu 'medium' pihak kerajaan menyampaikan maklumat kepada penduduk dan masyarakat setempat.

Perkara itu, antara lain disentuh dalam Bicarawara Pelita Brunei yang panelnya terdiri daripada Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; Pegawai Penerangan, Ketua Meja A, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat dan Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku Moderator.

Bicarawara PELITA BRUNEI yang bertema 'PELITA BRUNEI tetap relevan' anjuran Jabatan

Penerangan Sempena Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan.

Objektif utama bagi bicarawara PELITA BRUNEI ialah untuk mendapatkan pandangan saranan orang ramai mengenai Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei, di samping membincangkan kepentingan Pelita Brunei sebagai wadah penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa pada masa kini dan di masa akan datang.

Jabatan Penerangan merupakan salah satu jabatan yang bertanggungjawab untuk membarigakan maklumat dan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Salah satu kaedah yang dirancang melalui strategi kerjanya ialah dengan menerbitkan Akhbar Rasmi Pelita Brunei bagi mencakupi seluruh lapisan masyarakat di negara ini.

Antara yang hadir ialah terdiri daripada Institusi Penghulu Mukim dan Kampung, pemimpin-pemimpin persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta.



SEBAHAGIAN tetamu undangan yang hadir pada Bicarawara Pelita Brunei.

# Jabatan Penerangan beri sumbangan

Oleh: Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan bantuan makanan kepada salah seorang anak lelaki Allahyarham Awang Omarali bin Zakaria.



**PEMANGKU** Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan derma kepada Dayang Siti Ratini binti Mahmun.

**B**ENGKURONG, Khamis, 21 Mei. - Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan berusaha untuk terus menjalankan kerjasama yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan dan berkebajikan terutama dalam melaksanakan sumbangan derma dan amal jariah yang bermanfaat.

Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63, dua buah keluarga milik Allahyarham Awang Omarali bin Zakaria dan Awang Yunus bin Haji Timbang masing-masing menerima sumbangan derma di kediaman mereka berasingan di Kampung Bengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sumbangan berupa wang tunai dan barang-barang keperluan asasi kepada kedua-dua buah keluarga tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dan Ketua Kampung Bengkurong / Kampung Sinarubai / Kampung Burong Lepas, Awang Haji Talib bin Haji Bakar.

Sumbangan bagi keluarga Allahyarham Awang Omarali diterima oleh balu beliau, Dayang Rokiah binti Haji Ibrahim bersama anak-anaknya.

Allahyarham Awang Omarali merupakan salah seorang kakitangan Jabatan Penerangan dan bertugas sebagai Pemandu di jabatan tersebut, beliau telah kembali ke rahmatullah pada awal tahun ini.

Seterusnya, sumbangan yang sama juga dihulurkan kepada Awang Yunus dan isterinya, Dayang Siti Ratini binti Mahmun.

Sepasang suami isteri itu melahirkan rasa terima kasih atas pemedulian dan keprihatinan jabatan tersebut dalam memberikan bantuan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga tersebut.

Menurut isterinya, mereka hanya menerima bantuan sebanyak BND450 setiap bulan daripada Majlis Ugama Islam Brunei dan hanya mengharapkan wang upah hasil daripada pekerjaan memperbaiki kereta yang dilakukan oleh suaminya.

Sumbangan derma tersebut adalah hasil kutipan ikhlas para pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan serta orang-orang persendirian yang menunjukkan keprihatinan dan rasa tanggungjawab bersama dalam memeduli kepentingan kebajikan hal ehwal kemasyarakatan di negara ini khususnya.

Maka, dengan adanya bantuan itu sekurang-kurangnya akan dapat meringankan beban dan sekaligus kedua-dua buah keluarga berkenaan dapat menjalani kehidupan sehari-hari bersama keluarga masing-masing.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan bersama dengan rombongan beramah mesra dengan penerima bantuan.

# Pelbagai aktiviti meriahkan Sambutan Penubuhan Jabatan Penerangan

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan ke-63 tahun diteruskan dengan Ceramah Motivasi dan Jerayawara Penerangan bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan pada hari Rabu, 20 Mei 2015.

Acara diisikan dengan ceramah motivasi bertajuk 'Keikhlasan Bekerja' disampaikan oleh penceramah undangan, Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Gapor.

Dalam ceramah motivasinya, beliau antaranya menjelaskan bahawa untuk mendapatkan pekerjaan yang berkat, perlulah sentiasa amanah dalam melakukan pekerjaan, dan bijak menguruskan masa. Jelasnya, jika seseorang itu ikhlas dalam melakukan pekerjaan, maka hati akan sentiasa tenang dan pekerjaan itu akan menjadi mudah.

Salah satu cara menjadi orang hebat dan keluar dari kemiskinan katanya, ialah dengan mempunyai pendidikan di mana ibu bapa perlu juga muhasabah diri mereka dalam mendidik anak masing-masing.

Acara diselanjurkan dengan Jerayawara Penerangan disampaikan oleh para pegawai Unit Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan yang menerangkan mengenai Visi dan Misi, serta strategi Kerja jabatan berkenaan dalam penyaluran maklumat seperti Media Cetak, Komunikasi bersua muka dan media baru.

Juga diadakan ialah Kuiz Kenali Penerangan yang bertujuan untuk mempromosi dan memperkenalkan Jabatan Penerangan kepada para penuntut yang hadir.

Kira-kira 120 penuntut daripada Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Rimba II hadir pada majlis tersebut.

Sementara itu, jerayawara yang seumpama juga

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Arif Matali



CERAMAH Motivasi bertajuk 'Keikhlasan Bekerja' disampaikan oleh penceramah undangan, Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Gapor.



SUASANA ketika Jerayawara Penerangan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

dihadiri oleh lebih kurang 160 orang penuntut sekolah kerajaan dan swasta yang terdiri daripada Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Berakas, Sekolah Menengah Chung Hwa dan Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri pada 21 Mei 2015.



ANTARA penuntut yang mengambil bahagian dan menjawab soalan kuiz yang diajukan sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.



PARA penuntut mengembalikan borang kajislidik mengenai Pelita Brunei.

# Maklumat sahih menyumbang kepada perpaduan bangsa

Oleh & Foto :  
Hezlinawati Haji Abdul Karim



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad menyempurnakan penyerahan buku bertajuk 'Kedamaian Dalam Kepelbagai'an' Daerah Temburong kepada salah seorang penghulu di Daerah Temburong.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad menyaksikan pameran dari Bahagian Pelita Brunei.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan ucapan alu-aluannya dalam Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun Peringkat Daerah Temburong.

**T**EMBURONG, Sabtu, 23 Mei. - Sambutan bagi Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun dilaratkan ke daerah ini, berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menjelaskan peranan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat mengenai dasar dan agenda kerajaan tidak hanya bergantung kepada penggunaan media cetak sahaja tetapi juga melalui pendekatan bersemuka.

Antara pendekatan tersebut menurutnya termasuklah Program Sua Muka, Program Taklimat Kenegaraan, Program Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut, Program Awasi Anak Kitani dan juga Program Masyarakat Bermaklumat.

Terdahulu majlis diserikan dengan persembahan nyanyian koir Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Majlis juga menyaksikan tayangan Video Clip Ristaan Penerangan dulu dan sekarang ddisusuli dengan penyerahan buku bertajuk "Kedamaian Dalam Kepelbagai"an" Daerah Temburong (*Tranquility in Diversity*), disempurnakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman kepada para penghulu dan ketua-ketua kampung.

Sementara itu di Ruang Legar, Bangunan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman berkesudian menyaksikan Pameran Jabatan Penerangan dan Pameran dan Jual-Jualan dari Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Juga diadakan ialah perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan diselajurkan dengan kempen derma darah daripada Bahagian Derma Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan.

# Pelita Brunei wadah penyebaran maklumat kerajaan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ah Chua, Mohammad Arif Mataili

**T**EMBURONG, Ahad, 24 Mei. - Jabatan Penerangan merupakan salah satu jabatan yang bertanggung-jawab untuk membarigakan maklumat dan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bagi mendapatkan pandangan dan saranan orang ramai mengenai Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei satu bicarawara telah diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Banjar pada 23 Mei 2015.

Hadir selaku ahli panel bicarawara, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Samle bin Jait dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Moderator, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Bicarawara bertemakan ‘Pelita Brunei Tetap Relevan’ itu antaralain menyentuh mengenai beberapa aspek penting iaitu mengenai kewujudan Pelita Brunei yang mendapat persaingan sengit dengan wujudnya sosial media yang mana kepantasannya penyebaran dan penerimaan sesuatu maklumat adalah amat pantas.

Antara yang hadir mendengarkan bicarawara tersebut ialah ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan guru-guru besar sekolah rendah dan agama Daerah Temburong.

Selain mendengarkan bicarawara, mereka juga berpeluang mengunjungi petak-petak pameran daripada bahagian, cawangan dan unit di Jabatan Penerangan, disamping menyaksikan pameran produk-produk mukim dan kampung Daerah Temburong.



AHLI-AHLI panel bicarawara terdiri dari Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad (kanan sekali); Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Moderator, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta panel lain iaitu Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini dan Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Samle bin Haji Jait.



**BICARAWARA** dihadiri oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan guru-guru besar sekolah rendah dan agama Daerah Temburong.

- Sementara itu, Jerayawara Penerangan juga diadakan bersempena dengan Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan ke-63 Tahun. Objektif jerayawara tersebut antara lain ialah untuk mempromosi dan memperkenalkan Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat melalui media cetak, komunikasi bersemuka dan media baru. Taklimat disampaikan oleh pegawai dan kakitangan Unit Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan. Para jemputan juga berkesempatan menyertai Kuiz Kenali Penerangan pada jerayawara itu.



**SALAH** seorang dari ahli persatuan menyertai Kuiz Kenali Penerangan.

# Membarigakan aktiviti negara tanggungjawab bersama

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Mohammad Arif Matali



**PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan alu-aluannya dalam Majlis Memperingati Hari Penubuhan Penerangan ke-63 Tahun yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.**



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putra Dato Paduka Haji Mohd. Taha bin Abdul Rauf ketika menyaksikan pameran sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun bagi Daerah Tutong.**

**T**UTONG, Selasa, 26 Mei. - Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun diteruskan lagi di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putra Dato Paduka Haji Mohd. Taha bin Abdul Rauf.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan alu-aluannya menjelaskan Jabatan Penerangan melihat kepentingan dan tanggungjawab dalam sama-sama membarigakan aktiviti negara kepada semua lapisan masyarakat.

Selain daripada menerbitkan poster-poster terbitan jabatan sendiri, Jabatan Penerangan juga, katanya, membantu agensi-

agensi kerajaan yang lain dalam mereka cipta poster-poster pembarigaan.

Beliau seterusnya menjelaskan jabatannya juga tidak ketinggalan untuk bersaing sama dalam penyebaran maklumat melalui media baru atau media sosial yang begitu popular pada era ini dengan memperkenalkan Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei dalam versi ‘online’ secara harian mulai pada 19 Julai 2008.

Jabatan juga mempunyai laman media sosialnya sendiri dan orang ramai boleh mengikuti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*.

Pendekatan bersemuka seperti Program Sua Muka adalah bagi menyalurkan maklumat dan mendengarkan isu-isu semasa dan pada masa ini program itu dipertingkatkan kekerapannya sejak tahun 2013.

Manakala bagi menyuntik semangat patriotisme dan memupuk semangat cintakan Raja dan Negara dalam kalangan masyarakat terutama para pelajar, Program Taklimat Kenegaraan bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi, terus diadakan yang mana sepanjang tahun 2014 telah mencapai lebih 1,000 pelajar.

Mahasiswa dan mahasiswi yang merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan mandiri bangsa dan negara, perlu dibekalkan kefahaman dan maklumat mengenai aspirasi dan matlamat negara berteraskan falsafah ‘Melayu Islam Beraja’ untuk dijadikan sebagai utap bagi menangkis apa juar cabaran yang melanda.

Jabatan juga memperluaskan skop penyebaran maklumat dengan mensasarkan golongan belia, remaja dan juga ibu bapa melalui Program Awasi Anak Kitani dan juga Program Masyarakat Bermaklumat dalam mempertingkatkan pengetahuan mereka kepada penyalahgunaan dadah, gejala sosial dan isu penderaan, di samping pendedahan melalui lawatan dan taklimat mengenai keusahawanan, SME, pelancongan dan sebagainya.



**KEMPEN Menderma Darah diadakan pada majlis tersebut.**

# Pelita Brunei Tetap Relevan intipati bicarawara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking hadir selaku tetamu kehormat majlis Bicarawara Pelita Brunei.

**T**UTONG, Selasa, 26 Mei. - Kewujudan Pelita Brunei yang mendapat persaingan sengit dengan wujudnya sosial media yang mana mana kepentasannya dalam penyebaran dan penerimaan sesuatu maklumat merupakan antara intipati dalam bicarawara Pelita Brunei yang diadakan sempena Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.

Bicarawara yang berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking selaku tetamu kehormat majlis tersebut.

Hadir selaku ahli panel bicarawara, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; Pegawai Penerangan, Awang Musa bin Mohidin dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Moderator, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Bicarawara bertemakan 'Pelita Brunei Tetap

Relevan' itu antara lainnya menyentuh bahawa Pelita Brunei merupakan media konvensional daripada segi jumlah dan waktu ianya diterbitkan namun kepentingan peranannya sebagai lidah kerajaan mestilah dipertahankan kerana ianya merupakan salah satu medium pihak kerajaan untuk menyampaikan maklumat kepada penduduk dan masyarakat setempat.

Jabatan Penerangan merupakan salah satu jabatan yang bertanggungjawab untuk membarigakan maklumat dan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Salah satu kaedah yang dirancang melalui strategi kerjanya ialah dengan menerbitkan Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei bagi mencakupi seluruh lapisan masyarakat di negara ini.

Antara yang hadir mendengarkan bicarawara tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan para belia-belia dan sukarelawan di daerah ini.



SALAH seorang ahli Majlis Perundingan Mukim ketika mengemukakan pandangannya.

Dalam pada itu, para hadirin juga berpeluang untuk berkunjung ke petak-petak pameran daripada bahagian, cawangan dan unit di Jabatan Penerangan, di samping menyaksikan pameran produk-produk mukim dan kampung Daerah Tutong.

Selain itu, Pusat Promosi Kesihatan yang turut serta dalam pameran tersebut juga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan diselajurkan dengan kempen derma darah daripada Bahagian Derma Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan.



Hadir selaku ahli panel bicarawara, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini; Pegawai Penerangan, Awang Musa bin Mohidin dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan selaku Moderator, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



## Nur Afifah Syakirah juara pidato

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**T**UTONG, Rabu, 27 Mei. - Dayang Nur Afifah Syakirah binti Muhd. Sofian dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong menjuarai Pertandingan Pidato Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 bagi Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Tutong.

Ia berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Seri Kenangan Daerah Tutong.

Dayang Norazyana binti Mohd. Azian dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Awang Mohammad Arif Al-Haziq bin Haji Abd. Rahman dari Mahad Islam Brunei, Tutong masing-masing menyandang naib juara dan tempat ketiga pertandingan.

Hadir menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai selaku tetamu kehormat.

Turut hadir Pemangku Timbalan Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerja Pertandingan Pidato sempena sambutan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Penerangan Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi dalam ucapan alu-alunya menyatakan, pertandingan itu sebagai salah satu ‘platform’ untuk membiasakan para pelajar sekolah-sekolah menengah menyampaikan perutusan yang



JOHAN Pertandingan Pidato, Dayang Nur Afifah Syakirah binti Muhd. Sofian dari Sekolah Menengah RIPAS menerima hadiah dari tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai.

mengandungi idea berasaskan lisan, menghuraikan dan merumuskan idea tersebut secara berkesan.

Jelasnya, objektif pertandingan adalah untuk membina keyakinan diri dalam kalangan para pelajar dan mewujudkan para pelajar yang bermaklumat selaras dengan moto Jabatan Penerangan ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’.

## Program Taklimat Kenegaraan “Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan”

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



SEBAHAGIAN pelajar-pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal ketika menghadiri Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

**B**ERAKAS, Khamis, 7 Mei. - Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan inisiatifnya ke arah menyemai semangat patriotisme yang tinggi kepada generasi muda terutama pelajar-pelajar dengan mengadakan Taklimat Kenegaraan.

Ke arah itu, taklimat ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’, diteruskan lagi hari ini bagi pelajar-pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) dalam usaha menerangkan peranan dan tanggungjawab dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan yang merupakan identiti lambang sebuah negara yang semestinya dijaga dan dipelihara.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim, selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan,

# Program Awasi Anak Kitani

## banteras penyalahgunaan dadah

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MUKIM KERIAM, Khamis, 7 Mei. - Program Awasi Anak Kitani dihasratkan dapat menyampaikan maklumat kepada masyarakat umum terutama ibu bapa mengenai pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada terlibat penyalahgunaan dadah.

Ia juga dihasratkan bagi memberi maklumat tentang keburukan dadah dan sekali gus mengajar ibu bapa bagaimana menghadapi anak-anak yang telah terjerumus dalam aktiviti tidak sihat ini.

Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat negara kita semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan serius.

Pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi membanteras aktiviti yang boleh melemahkan negara ini apatah lagi jika yang melakukannya para belia yang seharusnya menjadi aset negara.

Sehubungan itu, sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang ikut bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak bangsa bergerak sihat dan cergas untuk membangun negara, program tersebut diharap akan dapat membuka minda para belia untuk menjauhi penggunaan dadah.

Dengan kesedaran dan pengetahuan adalah penting untuk mengelakkan belia daripada mudah terjerumus ke dalam kancang penyalahgunaan dadah.

Program Awasi Anak Kitani telah diadakan di Pusat Kemasyarakatan Kampung Luangan Duduk.

Program tersebut dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Lebih 120 ahli Muslimah Masjid di Mukim Keriam telah menghadiri program berkenaan.

Program berkenaan juga diselitkan dengan taklimat ‘Pendidikan, Pencegahan Dadah’ disampaikan oleh Penolong Pegawai Narkotik, Awang Mohd Izman bin Haji Tarip.

Selepas taklimat, sesi soal jawab juga diadakan serta Pameran Jabatan Penerangan dan BKN.



TETAMU kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking ketika hadir.



TAKLIMAT Pendidikan Pencegahan dadah disampaikan oleh Awang Izman bin Haji Tarip, Penolong Pegawai Narkotik.



JENIS-JENIS dadah yang disalahgunakan juga dipamerkan pada taklimat tersebut.

# Daerah Belait sambut Hari Penerangan

Oleh : Noraisah Mohammed  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TETAMU kehormat, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin menyerahkan buku kepada penghulu dan ketua kampung.



PEGAWAI Penerangan menunjukkan pameran kepada tetamu kehormat majlis.

KUALA BELAIT, Khamis, 28 Mei. - Majlis bagi Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun diteruskan lagi di Daerah Belait selama dua hari bermula hari ini.

Majlis yang diadakan di Taman Persiaran Kuala Belait tersebut telah dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin selaku tetamu kehormat yang selajurnya menyerahkan 'coffee table book' bertajuk 'Kedamaian dalam Kepelbagaian Daerah Temburong' (*Tranquility in Diversity*) kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Belait.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat dan seterusnya diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan dan Lagu Bendera Negara daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang antara lain menyentuh tentang fungsi asal Jabatan Penerangan yang dipetik dari Titah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa Peletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan

Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada 3 Jamadilakhir 1385H bersamaan 29 September 1965M.

"Jabatan Penyiaran dan Penerangan akan menyampaikan menjelaskan, menghubungkan, menerangkan kepada rakyat dan penduduk dalam negeri ini hal ehwal negara seberapa dapat yang boleh supaya dapat mereka memahami maksud kerajaan yang mana perkara ini akan mendatangkan kebajikan, kebahagiaan kepada kerajaan laila negara dan juga kepada mereka sendiri," terang beliau.

Dengan itu, Jabatan Penerangan merangka strategi kerja selaras dengan visi dan misinya sebagai penyebar maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa serta berkualiti dalam mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan.

Pada sebelah petang, acara diteruskan dengan Bicarawara Pelita Brunei yang bertema 'Pelita Brunei Tetap Relevan' dengan objektif untuk membincangkan kepentingan Pelita Brunei sebagai wadah penyebaran maklumat yang cepat, tepat dan berwibawa pada masa kini dan pada masa akan datang, di samping mendapatkan pandangan dan cadangan dari orang ramai mengenai Pelita Brunei sebagai akhbar rasmi kerajaan.



BICARAWARA diwakili oleh Pegawai-pegawai Kanan Penerangan dan ketua meja 'C' Pelita Brunei.



HADIR ke majlis tersebut ialah ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Daerah Belait.

# Awang Tajjul Hakim johan Pertandingan Pidato



Oleh : Noraisah Mohammed

Foto : Noraisah Mohammed, Mohammad Arif Matali

**D**AERAH BELAIT, Sabtu, 30 Mei. - Awang Tajjul Hakim bin Haji Masri dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait muncul johan Pertandingan Pidato bagi sekolah-sekolah menengah, maktab dan vokasional Daerah Belait sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun yang diadakan di Taman Persiaran Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pertandingan disertai oleh 8 pelajar yang mewakili sekolah dan maktab masing-masing terdiri daripada Sekolah Menengah Chung Ching, Seria; Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kuala Belait; Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait; Sekolah Saint James, Kuala Belait; Sekolah Saint John, Kuala Belait; Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait; Sekolah Chung Hua, Kuala Belait dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut.

Pertandingan antara lain bertujuan untuk membina keyakinan diri dalam kalangan pelajar selain menggalakkan dan memantapkan kemahiran para pelajar menggunakan bahasa Melayu di hadapan khalayak ramai serta memupuk semangat patriotisme yang berdaya saing secara positif.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Doa Selamat diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan dan bendera negara serta diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Belait, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail. Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 Tahun.



PENAL hakim pidato terdiri daripada Pegawai-Pegawai Penerangan.



TETAMU kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada Johan Pidato Awang Tajjul Hakim bin Haji Masri.

Manakala pada sebelah petangnya pula diadakan Jerayawara Penerangan yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan yang antara lain menerangkan mengenai misi dan visi serta strategi kerja Jabatan Penerangan dalam penyaluran maklumat seperti media cetak, komunikasi bersemuka dan media baru.



TETAMU kehormat majlis menyampaikan hadiah kepada salah seorang jemputan yang berjaya menjawab Kuiz Kenali Penerangan.



ORANG ramai menyaksikan pameran Jabatan Penerangan.

## Pasukan RTB Juara Kejohanan Futsal



Oleh : Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod  
Foto: Mohamad Azmi bin Awang Damit



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap (Media & Kabinet), Jabatan Perdana Menteri Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan piala pusingan kepada Pasukan Radio Televisyen Brunei sebagai juara.



SESI memperkenalkan Tetamu kehormat kepada pasukan yang mara ke peringkat akhir Kejohanan Futsal Piala Jabatan Penerangan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan ke-63 tahun.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 15 Mei. - Pasukan Radio Televisyen Brunei (RTB) menyandang gelaran juara dalam Kejohanan Futsal Piala Jabatan Penerangan sempena memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-63 selepas menewaskan Pasukan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dengan jaringan 2-1 dalam perlawanan akhir yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Hadir menyaksikan perlawanan dan seterusnya menyampaikan hadiah kejohanan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Tempat ketiga dimenangi bersama oleh Pasukan Jabatan Kehakiman Negara dan Pasukan Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Md. Noradillah bin Haji Mohd. Yussof dari Jabatan Mufti Kerajaan telah dipilih sebagai Pemain Terbaik kejohanan pada tahun ini.

Kejohanan ini bermula sejak 10 Mei lalu yang disertai oleh 12 buah pasukan dan dibahagikan kepada dua kumpulan.



# Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam

Oleh : Unit Latihan dan Penyelidikan

Foto: Mohammad Mahdi Haji Marsidi



PARA mahasiswa bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Penerangan dan juga penyelia para mahasiswa pada 2 Mei 2015.



PEMBENTANGAN hasil penempatan kerja oleh salah seorang mahasiswa.



Dua Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Mahasiswa telah diadakan pada bulan Mei 2015. Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan Pegawai Penerangan Kanan serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan telah mendengarkan pembentangan lima orang mahasiswa dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada 2 Mei 2015. Majlis yang seumpama juga diadakan pada 30 Mei 2015 di mana lima lagi orang mahasiswa yang menjalani penempatan dua minggu mengongsikan pengalaman penempatan kerja mereka. Penempatan tersebut adalah salah satu program daripada UBD Discovery Year Sesi Akademik 2014/2015. Pada majlis itu, para mahasiswa menerima sijil yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan.



SALAH seorang mahasiswa yang mengambil jurusan Professional Communication & The Media membentangkan teknik komunikasi.



GAMBAR ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan pada 30 Mei 2015.

# Program Sua Muka

Oleh : Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan

Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Tengah, Mohammad Sahrizal Haji Said,

Pengiran Amirul Nizam Pengiran Haji Mohd Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Mahdi Haji Marsidi

PROGRAM Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Melalui program ini Jabatan mendapatkan maklum balas mengenai perkembangan kampung dan isu-isu yang berbangkit. Maklumat kampung disiarkan di akhbar Pelita Brunei iaitu melalui ruangan Kenali Negara Kitani. Isu-isu yang berbangkit dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk tindakan masing-masing. Dengan adanya program ini ia akan dapat membina dan mengukuhkan minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, Raja dan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.



**PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Abd Rahman bin Haji Omar, Ketua Kampung Burong Pingai Ayer pada 5 Mei 2015.**



**PROGRAM Sua Muka di kediaman Pengiran Haji Ayub bin Pengiran Sulaiman, Pemangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer, selaku Ketua Kampung Pandai Besi 'A' dan 'B' juga memangku Ketua Kampung Pekan Lama dan Kampung Pengiran Setia Negara pada 9 Mei 2015.**





PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Musa bin Haji Tahir @ Haji Siti, Penghulu Mukim Sengkurong, juga memangku Ketua Kampung Sengkurong 'B' pada 12 Mei 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu, Ketua Kampung Lurong Dalam, Pemangku Ketua Kampung Sungai Pandan 'A' pada 14 Mei 2015.





PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Lamat bin Nawang, Ketua Kampung Tanjong Nangka pada 18 Mei 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Mohammad Jait bin Hitam @ Zaeed, Ketua Kampung Mulaut pada 23 Mei 2015.



Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan telah menganjurkan Program Forum ‘SINAR’ bagi sekolah-sekolah menengah dan maktab serta sekolah-sekolah swasta seluruh negara tahun 2015. ‘SINAR’ bermaksud Stabiliti (kukuh), Integriti (Jati Diri), Nasionalisme (Kenegaraan), Akauntabiliti (Bertanggungjawab) dan KeRohanian. Jabatan Penerangan adalah salah satu agensi kerajaan yang dipelawa dalam menjayakan program forum tersebut. Sepanjang bulan Mei, taklimat Kenegaraan “Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam” yang diselitkan dalam Program SINAR telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan dan Penolong-Penolong Pegawai Penerangan.

**Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim ketika menyampaikan taklimat kenegaraan di Sekolah St. Georges’, Bandar Seri Begawan pada 5 Mei 2015.**



**Taklimat kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yusof di Sekolah Menengah Rimba II pada 2 Mei 2015, Sekolah Menengah Chung Hwa, BSB pada 4 Mei 2015 dan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 18 Mei 2015.**



**Manakala, Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar telah menyampaikan taklimat kenegaraan di Sekolah Menengah Chung Hwa, KB pada 7 Mei 2015, Sekolah St. John’s pada 9 Mei 2015, Sekolah Menengah Chung Ching, Seria pada 12 Mei dan Sekolah St. Angela’s, Seria, pada 14 Mei 2015.**



**Pemangku Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin menyampaikan taklimat kenegaraan di Sekolah Arab pada 11 Mei 2015, dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa pada 21 Mei 2015.**

#### **Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:**

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	Program Rakan Mussaid Perkhidmatan Awam	4 hingga 21 Mei 2015
2. Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat	Kursus Resilient Leadership	11 hingga 13 Mei 2015
3. Awang Mohammed bin Abdullah	Safety & Security Challenges Workshop	25 hingga 26 Mei 2015
4. Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin	Kursus Menangani Perubahan	25 hingga 27 Mei 2015

**Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada pegawai yang berkhidmat di jabatan ini:**



Dayang Nor Hanizah binti Haji Abd Halim  
Jawatan : Penolong Penyunting Tingkat I  
Tarikh melapor : 2 Mei 2015

**Kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan:**



Awang Abu Bakar bin Haji Abd Rahman  
Jawatan : Penolong Penyunting Tingkat II  
Tarikh kenaikan : 27 Mei 2015

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



[infodept.bn](http://infodept.bn)



[infodept\\_bn](http://infodept_bn)

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Fax : 2382242**